



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)



30

RENUNGAN RAMADAN

Renungkan ayat-ayat Al-Quran
dan hadis Nabi s.a.w

Syukur . Sopan . Santun .



Kata Alu-Aluan

Bismillah.

Ramadan akhirnya tiba! Bulan yang penuh keberkatan untuk muhasabah diri, memperkukuh hubungan dan pertumbuhan rohani. Ia merupakan masa untuk menyegarkan kembali spiritualiti, menguatkan iman serta institusi keluarga, dan memperbaharui komitmen kita untuk menjalani kehidupan yang berteraskan tujuan, ihsan, dan kasih sayang.

Tahun ini, SalamSG Ramadan menghimpunkan masjid-masjid di seluruh Singapura untuk berkongsi mesej Ramadan yang bermakna, renungan, serta program-program khas. Melalui usaha kolektif ini, kita diingatkan bahawa Ramadan bukan sekadar tentang ibadah peribadi, tetapi juga tentang memupuk perpaduan, keprihatinan dan kebaikan sosial. Sertailah perjalanan ini. Ikuti saluran WhatsApp SalamSG dan kekal terinspirasi sepanjang bulan yang mulia ini.

Di teras perjalanan Ramadan ini tersemat nilai 3S: Syukur, Sopan, dan Santun. Nilai syukur membentuk hati, nilai sopan membentuk akhlak, dan nilai santun membentuk impak. Bersama-sama, nilai-nilai ini membimbing kita untuk menjadi Muslim yang teguh imannya dan aktif dalam mengangkat kesejahteraan orang lain.

Di dalam buku kecil ini, anda akan menemui 30 refleksi Ramadan dan 30 amalan penuh impak yang dirangka untuk memperkaya pengalaman Ramadan kita. Walaupun refleksi dan amalan ini tidak terhad kepada Ramadan sahaja, bulan yang diberkati ini merupakan waktu yang sesuai untuk mula menghayatinya dalam kehidupan seharian. Sama ada melalui ibadah peribadi, interaksi keluarga, atau sumbangan kepada masyarakat, amalan-amalan ini selari dengan visi bersama kita untuk melahirkan Muslim yang yakin, keluarga yang berdaya tahan, dan komuniti yang diperkasa.

Marilah kita menyebarkan kebaikan. Kongsikan buku kecil ini bersama keluarga dan sahabat handai, dan semoga usaha kita bersama mendekatkan diri kita kepada Allah serta menyemai ihsan dan kepedulian kepada masyarakat sekeliling, bukan sahaja sepanjang Ramadan tetapi juga seterusnya.

Semoga Ramadan ini membawa keberkatan dan makna buat kita semua.

Salam Ramadan.

Mohammad Fairuz Shah Sudiman
Mohd Firdhaus Abd Jaber
Ruhaizan Abdullah
Pengerusi Bersama, SalamSG Ramadan (1447H/2026)

Bina keyakinan. Pupuk kebijaksanaan.

Kenali nilai-nilai 3S!

SYUKUR

- **adalah mengiktiraf & menghargai** nikmat kehidupan, memuliakan kehadiran insan lain, serta mendepani setiap pengalaman dengan hati yang terbuka.
- ★ **Apabila saya mengamalkan kesyukuran dalam hidup saya:** Saya mula melihat kurniaan Allah s.w.t walaupun dalam kesusahan, menghargai usaha orang lain, dan menghargai orang di sekeliling saya. Apabila kesyukuran memenuhi hati, ia membimbing tindakan kita, memperkuh hubungan, dan memperdalam iman kita.

SOPAN

- **adalah mempunyai keyakinan untuk berbuat baik kepada orang lain,** menunjukkan kesopanan dan ihsan.
- ★ **Apabila saya mengamalkan kesopanan dalam hidup saya:** Saya menzahirkan nilai tersebut melalui tutur kata yang penuh hormat, tingkah laku yang beradab, erta layanan yang berhemah terhadap setiap individu. Apabila kita memilih kelembutan, kita mewujudkan keharmonian, kepercayaan, dan perpaduan dalam masyarakat.

SANTUN

- **adalah amalan tulus dalam menyumbangkan harta, masa, tenaga, mahupun sumber-sumber lainnya.**
- ★ **Apabila saya mengamalkan kesantunan dalam hidup saya:** Saya memahami bahawa kesantunan tidak terhad kepada sedekah semata-mata. Senyuman yang ikhlas, kata-kata yang baik, atau menawarkan bantuan boleh meringankan beban dan menenangkan hati.

Dalam halaman-halaman seterusnya, perhatikan warna-warna ini!
Jingga untuk syukur, biru untuk sopan, dan hijau untuk santun.

Penghargaan

Buku kecil ini dapat dihasilkan melalui dedikasi dan usaha ramai individu dan pasukan.

Ditulis oleh:

Ustaz Muhammad Hafiq Bin Ahmadkalil
Ustaz Luqman Hakim Bin Roslan
(Asatizah Masjid An-Nahdhah)

Ustaz Tarmidzi Bin Rosli
Ustaz Muhammad Idris Bin Rifaie
(Asatizah Masjid Yusof Ishak)

Disokong oleh:
Sekretariat dan Pasukan Projek SalamSG

Masjid Yusof Ishak
Masjid An-Nahdhah
Masjid Darul Aman
Masjid En-Naeem

Kami amat menghargai sumbangan mereka dalam merealisasikan inisiatif ini. Semoga Allah memberi ganjaran yang melimpah ruah kepada mereka



Imbas di sini untuk
mendapatkan kemas kini
terkini mengenai Ramadan.



Ikuti saluran
WhatsApp SalamSG.

Bina keyakinan. Pupuk kebijaksanaan.



01 SENTIASA BERSYUKUR

Allah s.w.t. berfirman:

﴿وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ﴾

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu.

(Surah Ibrahim 14:7)

Pengajaran:

1. **Allah s.w.t. mencintai mereka yang menghargai** nikmat-nikmat-Nya.
2. Apabila seseorang menunjukkan rasa syukur, Allah s.w.t. akan menambah kebaikan untuknya.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. Mulakan hari anda dengan **mengucapkan Alhamdulillah**.
2. Ambil sedikit masa sebelum tidur untuk **renungkan satu nikmat yang diberikan oleh Allah s.w.t.**
3. **Elakkan sifat suka berbanding dengan yang lain**, kerana sifat syukur datang dari berasa cukup (qana'ah).

02 SATU LAGI PELUANG DIPANGGIL RAMADAN

Allah s.w.t. berfirman:

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ﴾

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

(Surah Al-Baqarah 2:185)

Pengajaran:

1. Ramadan menawarkan kita **peluang kedua untuk memperbaiki diri kita.**
2. **Kitab Al-Quran adalah petunjuk & panduan utama** dalam kehidupan kita.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Tanamkan niat** untuk mengamalkan suatu perkara Ramadan ini dan **lakukannya dengan ikhlas.**
2. **Jangan berputus asa walaupun anda pernah gagal sebelum ini;** rahmat Allah s.w.t. sentiasa terbuka.
3. **Ambillah langkah demi langkah walaupun kecil tetapi konsisten** ke arah peningkatan & pembaikan diri.



03 MEMBERI, WALAUPUN SEDIKIT

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ ﴾

Sedekah tidak mengurangkan harta.

(Sahih Muslim, no. 2588)

Pengajaran:

1. Walaupun **menderma** menyebabkan jumlah wang kelihatan berkurangan, ia **tidak akan membawa kepada kemiskinan** sebenar atau kerugian kewangan.
2. **Allah akan menggantikan apa yang dibelanjakan**, sama ada melalui keuntungan kewangan yang tidak dijangka atau diberikan perlindungan oleh Allah s.w.t.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Berikan apa yang mampu**, dengan niat yang ikhlas.
2. **Beri secara peribadi**. Ia akan melatih keikhlasanmu.
3. Lihatlah wang yang anda berikan sebagai **pelaburan yang paling baik** yang pasti membuahkan hasil di masa depan.

THANK
YOU
😊

الحَمْدُ لِلَّهِ

04 BERTERIMA KASIH KEPADA MANUSIA = BERSYUKUR KEPADA ALLAH S.W.T.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ ﴾

Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, tidak bersyukur kepada Allah s.w.t..

(Sunan At-Tirmidhi, no. 1955)

Pengajaran:

1. **Sifat syukur** kepada Allah s.w.t. tidak akan sempurna selagi seseorang itu mengabaikan kebaikan yang **diberikan oleh sesama insan**.
2. Walaupun nikmat itu bersumber daripada Allah s.w.t., **tidak menghargai insan-insan yang menyampaikan nikmat tersebut menunjukkan bahawa kita belum sempurna dalam bersyukur**.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Sentiasa bersyukur** dengan apa yang kita ada.
2. **Ucapkan terima kasih** kepada mereka yang membantu.
3. **Gantikan rungutan dengan pujian**; kadangkala ujian hari ini membawa kepada nikmat yang lebih besar esok.

Assalamualaikum
Teacher!
Good day to you.



Waalaikumsalam
my students!
May Allah grant us
goodness.



05 BERKATALAH DENGAN INDAH

Allah s.w.t. berfirman:

﴿ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا ﴾

Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik.
(Surah Al-Baqarah, 2:83)

Pengajaran:

1. **Ucapan yang baik, positif, dan yang memberi semangat adalah sejenis sedekah** yang mudah dilakukan yang menjanjikan ganjaran yang berlipat ganda.
2. **Lidah adalah antara anggota yang paling sukar untuk dikawal.** Mengawalinya untuk hanya berkata-kata baik adalah tanda keimanan dan disiplin yang tinggi.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Pilih kata-kata yang baik**, terutamanya semasa menegur seseorang. Elakkan meninggikan suara.
2. **Jauhi gosip dan perbualan negatif**, kerana perkara ini tidak membawa sebarang manfaat kepada kita.
3. Apabila tiada apa-apa yang perlu dikatakan, **yang paling baik ialah untuk berdiam diri.**



06 BERILAH SESUATU YANG DICINTAI

Allah s.w.t. berfirman:

﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ﴾

Kamu tidak akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan (yang sempurna) sehingga kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.

(Surah Ali Imran, 3:92)

Pengajaran:

1. **Memberi sesuatu yang bernilai pada diri menunjukkan kecintaan seseorang itu** kepada Allah s.w.t..
2. **Ini mencerminkan komitmen yang lebih kuat terhadap perintah-Nya.**

Penerapan dalam Kehidupan:

1. Apabila menderma pakaian atau makanan, **pilihlah yang elok & baik.**
2. Jika tidak mampu memberi secara material, **sumbangkan masa dan tenaga melalui kerja sukarelawan**, kerana ia juga sangat bermakna.
3. **Berilah sesuatu yang anda hargai**, bukan sekadar apa yang tidak diingini.



07 INGATLAH DIA (ALLAH) & KAMU AKAN DIINGATI

Allah s.w.t. berfirman:

﴿ فَادْكُرُونِي أذكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴾

Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

(Surah Al-Baqarah, 2:152)

Pengajaran:

1. **Ingatlah Allah s.w.t. melalui solat, zikir, dan amal kebajikan.**
Sesungguhnya Allah s.w.t. berjanji akan mengingat hamba-Nya.
2. **Allah s.w.t. mengingat hamba-Nya melalui rahmat-Nya, petunjuk-Nya, dan pertolongan yang kadangkala tidak disangka.**

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Bersyukur adalah dengan mengakui bahawa setiap nikmat datang daripada Allah s.w.t.** dan cara mudah untuk bersyukur adalah dengan mengucapkan Alhamdulillah.
2. Tunjukkanlah rasa syukur dengan **memanfaatkan nikmat yang diberikan pada jalan yang diredai Allah s.w.t..**
3. **Hindari sifat tidak bersyukur;** sentiasalah ingat kepada Allah s.w.t. terutama sekali ketika senang dan bahagia.



08 JADILAH KAMU DI KALANGAN MUHSININ

Allah s.w.t. berfirman:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾

Allah s.w.t. mencintai orang-orang Muhsinin (yang berbuat baik).
(Surah Al-Baqarah, 2:195)

Pengajaran:

1. **Berikan yang terbaik dalam melaksanakan setiap perbuatan** dan lengkapkannya dengan niat yang betul.
2. **Usahakanlah kesempurnaan dalam ibadah anda.** Nabi s.a.w. bersabda tentang Ihsan: "Beribadah kepada Allah s.w.t. seolah-olah kamu melihat-Nya, dan jika kamu tidak melihat-Nya, maka (ketahuilah) Dia melihatmu."

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Sentiasa berbuat baik**, walaupun tiada sesiapa yang mengetahuinya.
2. **Berbuat baik** bukan hanya kepada orang yang kita kenali. Ia harus dilakukan **kepada semua**, termasuk ciptaan Allah s.w.t. yang lain juga.
3. **Tingkatkan kualiti satu tugas** hari ini, walaupun hasilnya tidak dilihat oleh orang lain.



09 SEDEKAH ADALAH PERISAI DARIPADA API NERAKA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ ﴾

Lindungi diri dari api neraka walaupun dengan separuh tamar.
(Sahih Muslim, no. 1016)

Pengajaran:

1. **Nabi s.a.w. menggunakan perintah "Peliharalah diri kamu" untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam diri.** Keselamatan (akhirat) memerlukan kepada tindakan, bukan hanya cita-cita.
2. **Frasa "walaupun dengan separuh biji tamar" adalah metafora yang menunjukkan bahawa setiap orang mampu bersedekah dan meraih manfaatnya.**

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Cuba berikan sedekah setiap hari**, walaupun jumlahnya beberapa sen atau dolar.
2. **Jangan sesekali menangguh amal kebaikan kerana menganggapnya terlalu kecil.** Jika anda melihat seseorang dalam kelaparan, berikanlah mereka sesuatu jika termampu.
3. **Jangan tangguh.** Laksanakan satu niat baik hari ini.



10 KESUCIAN ITU SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ﴾

Kesucian itu sebahagian daripada iman.

(Sahih Muslim, no. 223)

Pengajaran:

1. Sebagai orang Islam, kita perlu memahami bahawa **menjaga kebersihan adalah sebahagian daripada iman kita.**
2. **Penyucian adalah penting untuk menunaikan solat.** Kita tidak boleh solat tanpa mengambil wuduk terlebih dahulu.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Kebersihan adalah tanggungjawab sosial.** Menjadi seorang yang bersih adalah tindakan menghormati orang di sekeliling kita dan masyarakat.
2. **Kebersihan mencerminkan hati.** Sama seperti seorang yang membersihkan kotoran dari badannyanya, seorang itu juga patut berusaha membersihkan hati daripada sifat-sifat buruk seperti sifat bakhil dan sombong.
3. **Amalkan kebersihan sebagai rutin harian dengan sentiasa kelihatan kemas.** Ini adalah asas kepada ibadah yang sempurna dan akhlak yang mulia.



11 TIDAK SIA-SIA UNTUK BERLEMBUT

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ إِنَّ الرِّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ ﴾

Sifat lembut tidak terdapat pada
sesuatu melainkan ia memperindahkannya.

(Sahih Muslim, no. 2594)

Pengajaran:

1. **Kelembutan memperbaiki setiap keadaan**, manakala kekerasan hanya merosakkan hubungan dan hati.
2. **Berbuat baiklah dengan ikhlas kerana Allah s.w.t, dan bukan kerana manusia.** Dia Maha Melihat segala-galanya dan memberi ganjaran sewajarnya.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Berikan respons yang lembut walaupun orang lain bersikap kasar.** Berhenti seketika sebelum bertindak balas, dan pilih perkataan yang baik daripada yang menyakitkan.
2. **Jadilah seorang yang menenangkan sebuah konflik** dengan menunjukkan kesabaran, empati dan kefahaman. Tingkah laku ini mampu meredakannya dan memulihkan hubungan.
3. **Rendahkan nada suara anda apabila emosi memuncak.**



12 APABILA RAMADAN TIBA, SIFAT PEMURAH KIAN TERSEERLAH

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَأَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ، حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ ﴿١٢﴾

Nabi s.a.w. adalah orang yang paling pemurah di antara semua orang, dan baginda menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadan ketika Jibril a.s. bertemu dengannya. Jibril a.s. biasa bertemu dengannya setiap malam sepanjang bulan Ramadan untuk mengulang kaji al-Quran bersama baginda. Rasulullah s.a.w. ketika itu lebih pemurah daripada angin kencang.

(Sahih Bukhari, no. 3554)

Pengajaran:

- **Nabi s.a.w. merupakan seorang yang pemurah**, tetapi Ramadan meningkatkan lagi kemurahan hatinya.
- **Sifat pemurahnya digambarkan 'lebih pantas daripada angin yang kencang'**, menunjukkan bahawa pemberiannya adalah segera, dan meluas.

Aplikasi Kehidupan:

- **Bersegeralah berbuat baik**, jangan tangguhkan dalam memberi apabila peluang tiba. Ramadan adalah masa terbaik untuk bermula.
- **Biarkan kemurahan hati anda mengalir seperti angin**, dengan mudah dan pantas, tanpa ragu-ragu.
- **Kongsikan bukan sahaja kekayaan tetapi juga masa atau ilmu anda**, kerana hati yang pemurah melangkaui pemberian material.



13 KASIH SAYANG MENARIK KASIH SAYANG

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مِّنْ فِي السَّمَاءِ﴾

Orang yang penyayang akan disayangi oleh Allah s.w.t. Yang Maha Penyayang. Berkasihanilah (kepada mereka yang) di bumi, niscaya kamu akan dikasihani oleh Tuhan yang Maha Esa.

(Sunan At-Tirmidhi, no. 1924)

Pengajaran:

1. Antara cara kita menunjukkan kesyukuran ialah melalui sikap **belas kasihan (rahmah) terhadap orang lain.**
2. Apabila kita berbuat baik kepada orang lain, **Allah s.w.t. akan membalas kita dengan kebaikan-Nya yang lebih besar.**

Penerapan dalam Kehidupan:

3. **Melayani orang lain dengan lemah lembut** merupakan salah satu bentuk bersyukur kepada Allah s.w.t.
4. **Berhati-hati atas perbuatan kita**, kerana ia akan memberi kesan kepada orang di sekeliling kita.
5. Sekiranya seseorang itu melakukan perkara yang kurang baik kepada kita, **balaslah dengan kebaikan dan bukannya kemarahan, atau tinggalkan mereka.**



14 JADIKAN KEBAIKAN TERAS UTAMA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ ﴾

Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia.

(Musnad Ahmad, no. 8952)

Pengajaran:

1. **Rasulullah s.a.w. diutus sebagai contoh pedoman yang terbaik** bagi seluruh umat manusia.
2. **Suri teladan kehidupan Baginda s.a.w. adalah panduan utama bagi kita** untuk menerapkan nilai rahmah, kejujuran, kesabaran, dan keadilan dalam amalan seharian.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Ikuti teladan Nabi s.a.w. dalam perbuatan harian kita.** Jadikan keperibadian Baginda sebagai inspirasi dalam cara kita bercakap, bertindak, dan bertindak balas terhadap orang lain.
2. **Layani semua orang dengan belas kasihan, keadilan, kejujuran dan sifat amanah,** tanpa mengira perbezaan mereka.
3. **Berusaha menghapuskan sifat-sifat tercela yang ada dalam diri** seperti kemarahan, keangkuhan, iri hati dan kedekut.



15 KATA-KATA YANG BAIK ADALAH SEDEKAH

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ﴾

Perkataan yang baik itu adalah sedekah.
(Sahih Bukhari, no. 2989)

Pengajaran:

1. **Sedekah bukan hanya berbentuk wang.** Kata-kata yang baik juga boleh dikira sebagai sedekah.
2. **Setiap perkataan yang lembut dihargai dan diberi ganjaran** oleh Allah s.w.t.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Ucapkan kata-kata semangat yang menggalak atau menenangkan kepada seseorang hari ini.**
2. **Apabila anda perlu memberi maklum balas, lakukan dengan baik dan membina,** bertujuan untuk membantu dan bukannya menyakiti.
3. **Berhati-hati dengan pertuturan anda.** Ingat bahawa ucapan yang baik dihargai dan diberi ganjaran oleh Allah s.w.t.



16 RASA CUKUP ADALAH KEKAYAAN HAKIKI

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿لَيْسَ الْغِنَى عَنْ كَثْرَةِ الْعَرَضِ وَلَكِنَّ الْغِنَى غِنَى النَّفْسِ﴾

Kekayaan bukanlah memiliki banyak harta, tetapi kekayaan sebenar ialah kaya jiwa (rasa cukup).

(Sunan At-Tirmidhi, no. 2373)

Pengajaran:

1. Kesyukuran memupuk sifat *qana'ah* di dalam hati. *Qana'ah* bermaksud berkecukupan dengan apa yang **Allah s.w.t.** **kurniakan** kepada kita.
2. *Qana'ah* membantu kita **menghargai apa yang kita miliki**, dan bukannya sentiasa menginginkan lebih.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Elakkan tabiat membandingkan** hidup anda dengan orang lain di media sosial, kerana ia hanya akan menimbulkan kekecewaan dan perasaan dengki.
2. Tuliskan **satu perkara** yang anda miliki yang **tidak dapat dibeli dengan wang**: _____.
3. Setiap hari, **renungkan satu nikmat** besar atau kecil dan panjatkan **kesyukuran kepada Allah s.w.t.** atas kurniaan tersebut.



**YOU GOT
THIS!**

17 RINGANKAN KESULITAN ORANG LAIN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا
نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ﴾

Sesiapa yang meringankan satu kesusahan seorang Mukmin di dunia,
Allah s.w.t akan meringankannya pada hari akhirat.

(Sahih Muslim, no. 2699)

Pengajaran:

1. **Membantu orang lain** mengundang rahmat (berkat) Allah s.w.t. ke dalam kehidupan kita.
2. Islam menggalakkan kita untuk **mengambil berat** tentang keperluan emosi dan fizikal **orang di sekeliling kita**.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. Luangkan masa hari ini untuk **mendengar atau menyokong seseorang yang memerlukan**.
2. Jika anda menyedari seseorang mungkin memerlukan **bantuan, tawarkannya** secara proaktif dan **bukannya menunggu untuk diminta**.
3. Cari peluang untuk **meringankan beban seseorang**, walaupun dalam cara yang kecil seperti menahan lif untuk jiran kita dan sebagainya.



18 MENGAWAL KEMARAHAHAN & MEMBERI KEMAAFAN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ﴾

Orang yang kuat bukanlah orang yang mengalahkan orang lain dengan kekuatannya, tetapi orang yang kuat adalah orang yang dapat mengendalikan dirinya ketika sedang marah.

(Sahih Bukhari, no. 6114)

Pengajaran:

1. **Menahan kemarahan dan memilih kemaafan** adalah bentuk pemberian yang paling besar.
2. Allah s.w.t. memuji mereka yang **memilih kesabaran berbanding bertindak balas**.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Kawal kemarahan anda**, dan berhenti seketika sebelum bertindak balas.
2. **Maafkan seseorang** hari ini. **Lepaskan rasa dendam** demi ketenangan dalam diri.
3. **Bersabarlah** menghadapi dugaan harian, kerana setiap usaha menahan diri dijanjikan ganjaran.



Allahdulillahi
alan-nikmah..

19 BERSYUKUR ATAS PERKARA KECIL

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ اُنْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَلَا تَنْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ، فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزْدَرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ﴾

Lihatlah mereka yang berada di bawahmu dan jangan melihat mereka yang berada di atasmu, kerana ini akan menghalangmu daripada meremehkan nikmat Allah s.w.t. kepadamu.

(Sunan Ibn Majah, no. 4142)

Pengajaran:

1. Kesyukuran akan meningkat apabila kita **berhenti membandingkan diri kita dengan orang lain**.
2. **Nikmat yang kecil** tetap **mempunyai nilai yang besar** dan tidak seharusnya dipandang remeh.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Renungkan** satu nikmat kecil yang sering kita terlepas pandang.
2. **Panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t.** atas nikmat-nikmat biasa yang kita miliki, contohnya kesihatan yang baik, makanan yang mencukupi, atau masa lapang.
3. Jadikan tabiat **menghargai nikmat** setiap hari, dan jadikan ia saat-saat kesyukuran.



20 ALLAH S.W.T. MENCINTAI PERIBADI YANG INDAH

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ ﴾

Allah s.w.t. itu indah dan Dia menyukai keindahan.

(Sahih Muslim, no. 91)

Pengajaran:

1. **Keelokan hati** yang dizahirkan melalui adab dan perwatakan yang baik, dikasihi oleh Allah s.w.t.
2. **Kelembutan dan kebaikan** secara semula jadi **memperindahkan kehidupan dan hubungan seseorang Muslim.**

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Perindahkan pertuturan dan tingkah laku** anda hari ini; biarkan kebaikan dan kesabaran terserlah dalam tindakan anda.
2. **Layanilah orang lain dengan sikap yang menghormati, berempati, dan memelihara maruah mereka.**
3. **Pupuk kecantikan dalaman melalui akhlak yang baik,** kerana Allah s.w.t. menyukai keindahan dalam semua bentuk.



21 MEMBERI MELEBIHI KEKAYAAN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ كُلُّ مَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ ﴾

Setiap perbuatan baik adalah sedekah.

(Sahih Bukhari, no. 6021)

Pengajaran:

1. **Memberi** (bersedekah) tidak terhad kepada kekayaan atau wang sahaja; ia **merangkumi masa, usaha, dan keprihatinan**.
2. **Kebaikan** boleh dilakukan **oleh semua orang**, tanpa mengira kemampuan atau keadaan mereka.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Tawarkan bantuan** tanpa perlu menunggu untuk diminta.
2. **Ikhlasikan senyuman dan santunan anda**; perbuatan kecil ini sangat dihargai.
3. **Beristiqamah** dalam melakukan kebaikan, dengan mengetahui bahawa Allah s.w.t. menghargai setiap perbuatan baik.



22 ALLAH S.W.T. MELIHAT SETIAP KEBAIKAN

Allah s.w.t. berfirman:

﴿وَمَا تَقْدُمُوا لَأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ﴾

Apa sahaja kebaikan yang kamu lakukan, kamu akan dapati di sisi Allah s.w.t.

(Surah Al-Muzzammil, 73:20)

Pengajaran:

1. **Tiada satu pun perbuatan baik yang sia-sia**, tidak kira sekecil mana pun ia kelihatan.
2. **Allah s.w.t. mencatat dan menghargai** setiap perbuatan yang dilakukan dengan keikhlasan.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Lakukan kebaikan** walaupun tiada siapa yang melihat atau memuji anda.
2. **Fokus untuk mencari keredaan Allah s.w.t.** dan bukannya mencari pengiktirafan daripada manusia.
3. Akhiri hari dengan **merenungkan satu perbuatan baik** yang tidak diketahui orang lain



23 ALLAH S.W.T. MENGHARGAI KEBAIKAN

Allah s.w.t. berfirman:

﴿وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ﴾

Sesiapa yang melakukan kebaikan secara sukarela, sesungguhnya Allah s.w.t. Maha Mensyukuri dan Maha Mengetahui.
(Surah Al-Baqarah, 2:158)

Pengajaran:

1. **Allah s.w.t. menghargai walaupun perbuatan baik yang paling kecil.**
2. **Lakukan kebaikan dengan ikhlas kerana Allah s.w.t.,** bukan kerana manusia; Dia melihat segalanya dan memberi ganjaran sewajarnya.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Beri respons dengan lembut** walaupun orang lain bersikap kasar. Berhenti seketika sebelum bertindak balas, dan pilihlah perkataan yang menyembuhkan daripada menyakiti.
2. **Lakukan kebaikan secara senyap,** hanya mencari keredhaan Allah s.w.t.
3. **Lakukan satu perbuatan baik** secara sukarela (tambahan) melebihi apa yang diharapkan daripada anda.



24 BERKHIDMAT SECARA DIAM-DIAM

Allah s.w.t. berfirman:

﴿الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ﴾

Mereka yang membelanjakan hartanya (untuk Allah s.w.t.) pada waktu malam dan siang, dengan cara rahsia atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berdukacita.

(Surah Al-Baqarah, 2:274)

Pengajaran:

1. **Keikhlasan** dalam perbuatan adalah jauh lebih penting daripada mencari pengiktirafan daripada orang lain.
2. **Khidmat (amal) yang senyap dan rendah diri secara konsisten memperoleh ganjaran yang besar dan berkekalan** daripada Allah s.w.t.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Lakukan** satu **perbuatan baik** tanpa memberitahu sesiapa.
2. **Tahan** keinginan untuk "**menunjuk-nunjuk**" perbuatan baik kepada orang lain.
3. **Semak niat anda** sebelum dan selepas membantu, pastikan ia adalah semata-mata kerana Allah s.w.t.



25 BERSYUKURLAH KEPADA ALLAH S.W.T. & KEDUA IBU BAPA

Allah s.w.t. berfirman:

﴿ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ ﴾

Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu.

(Surah Luqman, 31: 14)

Pengajaran:

1. Kesyukuran termasuk **menghormati dan memuliakan ibu bapa kita sentiasa.**
2. **Berkhidmat kepada ibu bapa kita dengan ikhlas** adalah satu bentuk ibadah yang indah.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Hubungi, bantu, peluk, atau hargai ibu bapa anda hari ini.**
2. Jika mereka telah meninggal dunia, **bacakan doa dan berikan sedekah untuk mereka.**
3. **Hargai ibu bapa anda atas semua pengorbanan yang mereka curahkan** untuk sepanjang hidup anda.



Ya Allah, bless my
family and friends
with goodness and...

26 MENDOAKAN KEBAIKAN UNTUK ORANG LAIN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَدْعُو لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ إِلَّا قَالَ الْمَلَكُ وَلَكَ بِمِثْلِ ﴾

Tiada seorang hamba Muslim yang mendoakan saudaranya tanpa pengetahuannya melainkan malaikat akan berkata: 'Dan untukmu juga seperti itu.

(Sahih Muslim, no. 2732)

Pengajaran:

1. Islam menggalakkan **pemikiran yang melangkaui diri sendiri**. Salah satu caranya adalah dengan berdoa untuk orang lain.
2. **Mendoakan orang lain** mencerminkan hati yang mulia.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Panjatkan doa untuk seseorang** hari ini.
2. Setiap doa yang dipanjatkan untuk orang lain **akan dibalas oleh Allah dengan ganjaran yang setara atau lebih mulia**.
3. Panjatkan doa ikhlas untuk individu yang sukar anda hadapi, dengan **keyakinan bahawa Allah s.w.t. akan melembutkan hati mereka**.



27 SEBARKAN SALAM & BERILAH MAKAN

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَفْشُوا السَّلَامَ وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ ﴾

Wahai manusia, sebarkanlah (ucapan) salam, berilah makan, sambunglah tali silaturahmi, dan solatlah pada waktu malam ketika manusia sedang tidur, niscaya kamu akan masuk Syurga dengan salam.

(Sunan Ibn Majah, no. 3252)

Pengajaran:

1. **Sifat memberi membina perpaduan dan kasih sayang sesama manusia.** Berilah tanpa mengira kaum, bahasa atau agama.
2. **Islam amat menghargai keprihatinan dan sokongan** terhadap komuniti yang lebih luas.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Bertegur sapa dengan orang lain** dengan kemesraan dan keikhlasan, walaupun anda tidak dikenali mereka.
2. **Kongsikan makanan** apabila anda mampu, kerana makanan menyatukan hati dan memupuk komuniti.
3. **Mulakan ucapan salam**, terutamanya di kawasan atau situasi di mana orang lain jarang melakukannya.



28 KEBERKATAN KESIHATAN DAN MASA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ: الصَّحَّةُ، وَالْفَرَاغُ ﴾

Ada dua nikmat yang kebanyakan manusia tertipu padanya,
iaitu kesihatan dan masa lapang.

(Sahih Bukhari, no. 6412)

Pengajaran:

1. **Kesihatan dan masa adalah nikmat (kurniaan) yang besar** daripada Allah s.w.t.
2. **Rasa syukur yang sebenar memerlukan kesedaran dan perhatian** terhadap nikmat-nikmat ini.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Jagalah kesihatan anda;** hargainya sekarang dan jangan tunggu sehingga sakit. Buatlah keputusan yang bijak.
2. Manfaatkan masa lapang anda sepenuhnya dengan **mengisinya dengan aktiviti yang bermanfaat dan elakkan pembaziran masa yang sia-sia.**
3. **Semak semula penggunaan masa dan tenaga anda** selalu, kemudian cuba halakannya semula kepada aktiviti yang mendekatkan anda kepada Allah s.w.t.



29 MENJAGA MARUAH DAN AMANAH

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿أَرْبَعٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَ مُنَافِقًا خَالِصًا، وَمَنْ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنْهُنَّ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنَ النِّفَاقِ حَتَّى يَدْعَهَا: إِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ، وَإِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا عَاهَدَ غَدَرَ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ﴾

Empat sifat yang, apabila ditemui pada seseorang, menjadikannya seorang munafik tulen, dan sesiapa yang memiliki salah satu daripadanya, memiliki satu ciri kemunafikan sehingga dia meninggalkannya. Iaitu: Apabila dia diamanahkan sesuatu, dia mengkhianati amanah; apabila dia bercakap, dia berdusta; apabila dia berjanji, dia bertindak khianat; dan apabila dia berhujah, dia bersikap sangat tidak bijak dan menghina.

(Sahih Bukhari, no. 34)

Pengajaran:

1. Seorang Mukmin seharusnya **menjaga amanah dan kejujuran** dalam semua urusan.
2. **Akhlak yang baik menjaga perpaduan dan keharmonian masyarakat.**

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Tunaikan tanggungjawab walaupun kecil.** Ia juga adalah amanah di sisi Allah.
2. **Bercakap dengan baik walaupun berbeza pendapat.** Perbezaan tidak sepatutnya merosakkan adab seorang Mukmin.
3. **Kawal emosi,** terutama ketika penat dan lapar.

BE KIND
KEEP GOING



30 LAKUKAN KEBAIKAN DI MANA JUA ANDA BERADA

Rasulullah s.a.w. bersabda:

﴿ اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتَّبِعِ السَّبِيلَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ ﴾

Bertaqwalah kepada Allah s.w.t. di mana sahaja kamu berada, dan ikutilah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, nescaya akan menghapuskannya, dan bergaullah dengan manusia dengan baik.

(Sunan At-Tirmidhi, no. 1987)

Pengajaran:

1. **Melakukan kebaikan adalah misi sepanjang hayat**, tidak terhad kepada waktu atau musim tertentu.
2. **Takwa** yang sebenar **dicerminkan melalui cara kita melayan dan berurusan dengan orang lain**.

Penerapan dalam Kehidupan:

1. **Berazam** untuk meneruskan satu amalan Ramadan ke bulan-bulan yang mendatang.
2. **Jadikan akhlak yang baik** sebahagian daripada identiti anda dalam setiap situasi.
3. **Dengan menyusuli keburukan dengan kebaikan**, kita membersihkan diri dan membuka ruang untuk rahmat serta keampunan Allah.





30



AMALAN PENUH IMPAK

ANDA BOLEH MULAKAN DI RAMADAN

**Muslim Berkeyakinan
Keluarga Berdaya Tahan
Memperkasakan Masyarakat**



Kata Alu-Aluan

Bismillah... Ramadan kembali lagi—bulan penuh keberkatan, muhasabah diri, dan peluang untuk memperkukuh hubungan dengan Allah, keluarga, dan masyarakat. Inilah saat terbaik untuk memperbaharui keimanan, memperbaiki diri, dan menyemai kebaikan dalam kehidupan seharian.

Tahun ini, SalamSG Ramadan menghimpunkan masjid-masjid di seluruh Singapura bagi menyampaikan mesej Ramadan, perkongsian ilmu, serta program-program istimewa. Kami mengajak anda untuk turut serta dalam perjalanan ini—langganilah saluran Whatsapp SalamSG yang baru agar terus mendapat informasi dan pesanan amalan-amalan baik sepanjang bulan penuh rahmat ini.

Buku kecil ini menghimpunkan 30 amalan mudah tetapi bermakna yang boleh diamalkan dalam kehidupan harian. Walaupun amalan-amalan ini tidak terbatas kepada Ramadan sahaja, bulan yang penuh keberkatan ini adalah waktu terbaik untuk memulakan langkah positif. Sama ada dalam ibadah peribadi, hubungan kekeluargaan, atau sumbangan kepada masyarakat, amalan-amalan ini selari dengan visi kita dalam membentuk Muslim berkeyakinan, keluarga berdaya tahan, dan memperkasakan masyarakat.

Versi Melayu dan Inggeris mungkin berbeza dari segi gaya bahasa, namun intipatinya tetap sama—membantu kita menghayati Ramadan dengan lebih bermakna.

Sebarikan kebaikan! Kongsikan buku kecil ini bersama keluarga dan sahabat handai, semoga ia menjadi pendorong untuk kita semua mendekatkan diri kepada Allah.

Semoga Ramadan ini membawa keberkatan, ketenangan, dan penghayatan yang mendalam dalam kehidupan kita.

Mohammad Fairuz Shah Sudiman
Faizal Bin Abdul Rahim
Pengerusi Bersama, SalamSG Ramadan (1446H/2025)

Penghargaan

Buku kecil ini terhasil dengan dedikasi dan usaha gigih daripada ramai individu dan pasukan.

Ditulis oleh:
Ustaz Abdul Hadi Bin Jamil
(Imam Kanan Masjid Al-Khair)

Disokong oleh:
Sekretariat SalamSG dan Pasukan Projek

Masjid Assyakirin
Masjid Al-Khair
Masjid Yusof Ishak

Kami amat menghargai sumbangan mereka dalam merealisasikan inisiatif ini. Semoga Allah membalas jasa mereka dengan sebaik-baik ganjaran.

Bina keyakinan. Pupuk kebijaksanaan.

Ikuti Saluran WhatsApp SalamSG

Imbas kod QR ini



Dapatkan perkembangan terkini tentang acara dan inisiatif masjid kami, peringatan harian sepanjang Ramadan, dan banyak lagi!

AMALAN 01

MULAKAN AKTIVITI DI AWAL PAGI



Daripada Sakhr Bin Wada'ah Al-Ghamidi r.a, Nabi s.a.w. berdoa:

"Ya Allah, berkatilah umatku pada waktu pagi mereka."

Apabila Rasulullah s.a.w. hendak mengutuskan suatu pasukan tentera, Baginda akan mengutus mereka pada awal siang hari.

Sakhr, seorang sahabat yang berniaga, juga membiasakan dirinya memulakan urusan perniagaan pada awal pagi. Maka Allah memberkati usahanya sehingga dia menjadi bertambah kaya dan hartanya semakin banyak.

(Abu Dawud, At-Tirmidzi, Ibn Majah, Ahmad)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini menganjurkan kita untuk memulakan aktiviti harian di awal pagi hari untuk meraih keberkatan dari doa Nabi s.a.w.
- 2 Maksud keberkatan adalah kebaikan yang banyak dan berkembang serta kekal bagi seseorang. Contoh; keberkatan harta ialah harta yang mendatangkan kebaikan yang banyak serta kekal berkembang walaupun dari hasil yang sedikit.
- 3 Imam At-Tabari mengatakan dalam tafsirnya bahawa waktu pagi "*lbkaar*" adalah antara waktu subuh dan waktu dhuha.
- 4 Aktiviti di waktu pagi mendorong kecergasan dan menambah produktiviti.
- 5 Rahmat Nabi s.a.w. mendorong umatnya supaya berjaya dalam apa jua bidang dengan menggalakkan mereka berpagi-pagian.

**Bangunlah awal pagi dan rasakan keberkatan dalam setiap langkahmu,
seperti yang dijanjikan Nabi s.a.w.**

AMALAN 02

MENGUCAP KALIMAT TAWHID TIAP PAGI



Dari Abu 'Ayyash r.a, bahwa Nabi s.a.w. bersabda:
"Barangsiapa yang berkata di pagi hari:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagiNya kekuasaan dan bagi-Nya pujian dan Dia berkuasa atas setiap sesuatu".

Dia memperoleh ganjaran bersamaan membebaskan seorang hamba dari anak Ismail, dan dituliskan sepuluh pahala, dihapuskan sepuluh dosa, dan diangkat sepuluh darjat, serta baginya perlindungan dari syaitan sehingga waktu petang. Jika dibaca pada waktu petang pula, maka baginya ganjaran seperti itu sehingga waktu pagi".

(Abu Dawud, An-Nasai, Ibn Majah, Ahmad)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini menunjukkan kepentingan memupuk kalimat tauhid, "*Laa ilaaha illallah*" iaitu, "tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah". Ia adalah ikrar seorang muslim yang sunnah disebutkan tiap pagi.
- 2 Zikir ini juga disunnahkan untuk dibaca pada beberapa waktu lain seperti; tiap pagi dan petang, selepas solat fardhu, ketika terjaga dari tidur dan setelah pulang dari safar.
- 3 Dalam hadis yang diriwayatkan Jabir Bin Abdillah r.a, Nabi s.a.w. bersabda bahawa sebaik-baik zikir adalah "*Laa ilaaha illallah*". Justeru dianjurkan supaya memulakan pagi dengannya.
- 4 Setiap manusia tidak mengetahui waktu kematiannya, oleh itu, disarankan untuk membaca kalimat tauhid ini setiap pagi dan petang dengan harapan ia menjadi kalimat terakhir yang diucapkan.

Ucapkanlah kalimah tauhid setiap pagi dan rasakan perlindungan serta pahala dari Allah.

AMALAN 03

DUDUK SEKETIKA SETELAH SELESAI SOLAT SUBUH



Dari Jabir Bin Samurah berkata:

Bahawasanya Nabi SAW apabila selesai solat fajr, baginda akan duduk di tempat solatnya hingga terbit matahari sepenuhnya.

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini mensunnahkan duduk seketika di masjid dan berzikir kepada Allah setelah selesai solat subuh hingga matahari terbit, iaitu waktu dhuha.
- 2 Waktu duha bermula sekitar 30 minit selepas masuk waktu syuruk. Ini bermakna, jika waktu syuruk jam 7:00 pagi, dhuha akan bermula jam 7:30 pagi. Waktu dhuha berakhir sekitar 5 minit sebelum masuk waktu zohor.
- 3 Kita juga dianjurkan untuk menunaikan solat dhuha. Menurut hadis diriwayatkan oleh Anas Bin Malik r.a, Nabi s.a.w menjanjikan bagi orang yang solat subuh berjemaah kemudian berzikir hingga matahari terbit lalu menunaikan solat dhuha dengan ganjaran pahala haji dan umrah.
- 4 Walaupun konteks hadis ini merujuk lebih kepada amalan di masjid, akan tetapi lafaznya bersifat umum. Ini bermakna sesiapa yang solat berjemaah dan berzikir di rumah atas sebab keuzuran atau sebab-sebab lain, terutama kaum wanita, juga diharapkan akan memperoleh ganjaran yang sama.
- 5 Hadis ini juga mengajar supaya mengetepikan waktu seketika untuk beribadah sebelum memenuhi hari dengan urusan-urusan lain supaya amalan ibadah tidak terabai disebabkan kesibukan.

Luangkanlah waktu berzikir selepas subuh dan nikmati ketenangan serta keberkatan hari itu.

AMALAN 04

BERSIKAP OPTIMISTIK



Dari Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Tidak ada Thiyarah (firasat buruk) tapi sebaiknya adalah Fa’l (optimistik)”, mereka bertanya: “Apakah itu fa’l wahai Rasulullah?”, Baginda menjawab:

“Perkataan yang baik yang didengari salah seorang kamu”.

(Sahih Al-Bukhari)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini mengajar kita untuk berfikiran positif dan mengucapkan kata-kata baik walaupun dalam keadaan yang tidak disenangi.
- 2 Ini termasuk sikap ‘*husnu zhon*’ bersangka baik terhadap apa yang ditentukan Allah.
- 3 Apabila seseorang mengucapkan kata-kata baik ketika ingin melakukan sesuatu, ia mendatangkan semangat positif dan membantunya mencapai matlamat.
- 4 Perkataan “*Thiyarah*” bermaksud ramalan buruk seperti nasib malang akibat petanda tertentu yang tidak berasas. Ia berasal dari perkataan “*thair*” iaitu burung kerana mengikut resam jahiliah, sesuatu keburukan diramal terjadi apabila ada penampakan burung tertentu ketika keluar rumah.
- 5 Islam menolak kepercayaan khurafat ini kerana setiap kejadian merupakan ketentuan Allah dan ramalan negatif tidak memberi kesan apa-apa terhadap perkara yang telah ditakdirkan.
- 6 Justeru itu seorang muslim diperintah untuk meminta perlindungan kepada Allah dan tidak terpedaya dengan ramalan-ramalan khurafat.
- 7 Islam bagaimanapun menerima sekiranya ramalan itu diasaskan penjelasan saintifik.

**Berfikiran positif dan ucapkanlah kata baik,
saksikan kebaikan datang dalam hidupmu.**

AMALAN 05

MEMBERITAHU PERASAAN SAYANG KEPADA SAUDARA SEISLAM



Anas Bin Malik r.a berkata:

Seorang lelaki memberitahu Rasulullah s.a.w: “Sesungguhnya saya menyayangi fulan kerana Allah. Baginda menjawab: Apakah kamu memberitahunya? Dia menjawab: Tidak. Maka baginda berkata: Beritahu dia. Lelaki itu pun berkata (kepada fulan tadi): Tahukah kamu, aku sayang kamu kerana Allah. Dia lalu menjawab: “Semoga Allah menyayangimu kerana kamu menyayangiku kerana Allah”.

(Abu Dawud, An-Nasai, Ahmad)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini mengajar kita untuk mengungkapkan kasih sayang kepada saudara se-Islam kerana Allah.
- 2 Amalan ini dapat mengeratkan hubungan *ukhuwah* persaudaraan sesama Muslim.
- 3 Erti sayang seseorang kerana Allah adalah menyayanginya kerana kebaikan agama dan keimanannya dalam menjaga perintah Allah s.w.t serta larangan-Nya.
- 4 Walaupun begitu, apabila terdapat potensi menimbulkan fitnah, harus berhati-hati dan bersesuaian dalam menyampaikan perkara tersebut, terutamanya kepada individu berlainan jantina.
- 5 Disebutkan pada beberapa hadis, ganjaran menyayangi saudara se-Islam kerana Allah adalah mendapat naungan di hari kiamat, merasakan kemanisan iman dan berkumpul bersama orang yang disayangi di syurga.

**Nyatakanlah kasih sayang,
lihat *ukhuwah* dan ganjaran Allah bertambah.**

AMALAN 06

MENDOAKAN SAUDARA SE-ISLAM TANPA PENGETAHUANNYA



Dari Abu Ad-Darda' r.a. berkata, Rasulullah s.a.w bersabda:

"Tiada seorang pun dari hamba (Allah) Muslim yang mendoakan untuk saudaranya secara berjauhan (tanpa pengetahuannya), melainkan akan berkata malaikat: 'dan bagi engkau seperti itu juga (sama seperti apa yang didoakan itu)'".

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini menggalakkan supaya mendoakan sesuatu kebaikan untuk saudara se-Islam tanpa pengetahuannya.
- 2 Al-Qadhi 'Iyadh berkata bahawa amalan ini mengandungi dua kebaikan, iaitu mengingat Allah dengan ikhlas dan mengharap kebaikan untuk saudara se-Islam.
- 3 Mendoakan seseorang tanpa pengetahuannya merupakan doa yang mustajab (diperkenankan Allah) kerana ia menunjukkan keikhlasan tinggi tanpa mengharap balasan sesiapa selain Allah. Disebabkan itu, malaikat mengaminkannya.
- 4 Imam An-Nawawi berkata bahawa ulama terdahulu ketika mengharap sesuatu kebaikan buat diri sendiri, mereka akan mendoakan perkara itu buat orang lain supaya malaikat mendoakan kembali kepada mereka dengan menyebut, "dan bagimu seperti (apa yang kamu doakan buat saudaramu)".
- 5 Islam menggalakkan sifat saling menginginkan kebaikan antara Muslim dan melenyapkan hasad dengki.

**Doakanlah saudaramu dengan ikhlas,
malaikat mendoakan kebaikan untukmu.**

AMALAN 07

MENGHADIAHKAN MAKANAN UNTUK JIRAN TETANGGA



Abu Dzar Al-Ghifari r.a. berkata:

Kekasihku Rasulullah s.a.w. mewasiatkan kepada ku: "Jika kamu memasak sup maka banyakkkanlah kuahnya, kemudian lihatlah seisi keluarga jiranmu dan berikanlah kepada mereka dengan baik".

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS




- ❶ Hadis ini mengajar untuk menjalinkan hubungan baik bersama jiran tetangga dengan memikirkan mereka ketika menyediakan makanan.
- ❷ Ini kerana jiran merupakan orang terdekat yang sering bertemu setiap hari. Merekalah orang pertama yang akan menghulurkan bantuan ketika berlaku kecelakaan di rumah.
- ❸ Nabi s.a.w. bersabda: "Jibril sering mewasiatkan kepadaku (untuk berbuat baik) kepada jiran sehingga aku sangka dia akan menjadikan mereka sebahagian dari ahli waris" (Al-Bukhari dan Muslim).
- ❹ Menghadiahkan makanan kepada jiran tidak semestinya dibuat dengan gah sehingga membebankan, tetapi yang lebih penting adalah keikhlasannya walaupun sederhana. Nabi s.a.w. bersabda: "Wahai wanita Muslimah, janganlah kamu memperkecilkan apa pemberian pun pada jiranmu, walau seketul kaki kambing sekalipun" (Al-Bukhari dan Muslim).
- ❺ Jiran yang baik adalah sumber ketenteraman dan jalan menuju syurga. Nabi s.a.w. bersabda: "Tidak akan masuk syurga, orang yang membuat jirannya tidak merasa aman daripada gangguannya" (Muslim).

**Hadiahkanlah makanan kepada jiran,
saksikan hubunganmu semakin mesra dan penuh berkah.**

AMALAN 08

MEMAAFKAN ORANG



Dari Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Sedekah tidak mengurangkan harta, dan Allah tidak menambahkan bagi orang yang memaafkan melainkan kemuliaan, dan tidaklah seseorang itu merendahkan diri untuk Allah melainkan Allah akan mengangkat darjatnya”.

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini mengajar untuk mengamalkan sifat pemaaf.
- 2 Memaafkan orang menjamin kemaafan dari Allah. Allah berfirman dalam surah An-Nur, ayat 22, “dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak ingin Allah mengampunimu?”. Justeru itu, wajar mengingati kesilapan diri terhadap Allah sebelum mengungkit kesilapan orang lain terhadap diri sendiri, dengan cara itu, ia lebih mudah untuk memaafkan.
- 3 Sungguhpun begitu, memaafkan bukanlah diutamakan dalam semua situasi. Ia baik jika membawa kebaikan dan memulihkan keadaan. Tetapi, jika pelaku kesalahan itu bersikap degil dan sering menyakiti serta menganiaya orang lain, maka adalah lebih baik untuk tidak dimaafkan dengan mudah. Sebaliknya, kita perlu menuntut hak supaya kejahatannya tidak berterusan.
- 4 Sifat memaafkan walaupun sukar tetapi ia memberikan ketenangan jiwa dan menghilangkan perasaan dendam.

Amalkanlah sifat pemaaf, rasakan ketenangan dan kemuliaan dari Allah.

AMALAN 09

MENULIS WASIAT



Diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar r.a, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: **"Tidak selayaknya bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan tidur selama dua malam melainkan wasiatnya sudah ditulis di sisinya".**

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Hadis ini menganjurkan membuat wasiat harta. Ia bertujuan mengingatkan kematian serta membuat persiapan sebelum menghadapinya.
- 2 Wasiat dari segi agama adalah pesanan pemindahan hak setelah kematian pemiliknya.
- 3 Pada asasnya, hukum wasiat adalah sunat jika dibuat untuk tujuan amal kebajikan. Namun, wasiat menjadi wajib bagi hak-hak yang belum dilunaskan dan dikhuatiri tidak dapat ditunaikan selepas kematian pemiliknya kerana ketiadaan bukti. Contohnya, zakat yang belum dibayar atau hutang kepada orang lain yang tidak mempunyai saksi atau bukti bertulis.
- 4 Antara tujuan (*maqasid*) utama Islam adalah pemeliharaan harta melalui perancangan rapi sewaktu hidup dan setelah mati.
- 5 Sungguhpun wasiat sebahagian harta untuk kebajikan adalah amalan terpuji, akan tetapi menginfakkannya ketika hidup adalah lebih baik. Abu Hurairah menceritakan, Nabi s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu melambatkan sedekah sehingga nyawa di kerongkong, baru kamu berkata: "Untuk fulan ini, dan untuk fulan itu", sedangkan harta itu sudah pun menjadi kepunyaan fulan (ahli waris)" (Al-Bukhari dan Muslim).

**Tuliskanlah wasiatmu sekarang,
saksikan perancangan kebaikan di dunia dan akhirat.**

AMALAN 10

SALING BERKUNJUNG



Mu'adh bin Jabal r.a. berkata:

Aku mendengar Nabi s.a.w bersabda: Allah s.w.t. berfirman: "Cinta-Ku diwajibkan ke atas orang yang saling mencintai kerana-Ku, saling berjumpa kerana-Ku, saling menziarahi kerana-Ku, dan saling memberi kerana-Ku".

(Hadith Qudsi, Al-Muwatta' Imam Malik)

SYARAH HADIS



- ❖ 1 Hadis ini mensunnahkan amalan saling menziarahi dan berjumpa kerana Allah untuk mengeratkan hubungan sesama insan.
- ❖ 2 Perkataan "kerana-Ku" dalam hadis menunjukkan kepentingan niat yang ikhlas dalam melakukan perbuatan baik demi mendapat ganjaran di sisi Allah. Ia menafikan kepentingan lain seperti niat memperoleh habuan atau makan percuma.
- ❖ 3 Seorang Muslim hendaklah menjaga adab dan tata tertib ketika berkunjung ke rumah orang lain. Antaranya ialah memberi salam sebelum masuk, menerima pelawaan makan walaupun sedikit, tidak membebankan tuan rumah dengan pelbagai permintaan, serta menjaga tingkah laku sepanjang masa. Nabi s.a.w. bersabda: "Seorang Muslim itu ialah mereka yang menjadikan Muslim yang lain selamat daripada kejahatan lidah dan tangannya" (Sahih Al-Bukhari). Hadis ini menolak semua bentuk penganiayaan termasuk fizikal dan emosi.
- ❖ 4 Islam tidak hanya mementingkan hubungan dengan Tuhan tetapi juga sesama manusia.

**Kunjungilah saudara kerana Allah,
rasakan pertemuan yang mengukuhkan persaudaraan.**

AMALAN 11

DOA KETIKA DALAM KERISAUAN



Daripada Abu Said Al-Khudri r.a. katanya:

"Rasulullah s.a.w. telah masuki masjid. Tiba-tiba terdapat seorang sahabat bernama Abu Umamah RA sedang duduk di sana. Beliau bertanya: "Wahai Abu Umamah, kenapa aku melihat kau sedang duduk di dalam masjid sedangkan bukan waktu solat?" Abu Umamah menjawab: "Kerisauan dan hutang menyelubungiku wahai Rasulullah!" Rasulullah menjawab: "Mahukah kamu aku ajarkan kepada kamu satu doa jika kamu membacanya Allah akan menghilangkan rasa risaumu dan melangsaikan hutangmu". Abu Umamah menjawab: "Sudah tentu, wahai Rasulullah." Maka Baginda bersabda: "Ucapkanlah pada waktu pagi dan petang":

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari kerisauan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada Engkau dari bebanan hutang dan penindasan manusia". Abu Umamah r.a. berkata: "Setelah membaca doa tersebut, Allah menghilangkan kerisauanku dan melunaskan hutangku".

(Sunan Abu Dawud)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca pagi dan petang untuk mengatasi perasaan risau dan sedih akibat ketidakupayaan menyelesaikan masalah yang ditimpa.
- 2 Intipati doa ini adalah memohon perlindungan dari segala perkara yang menghambat seseorang dalam usahanya menyelesaikan masalah seperti malas, lemah, takut, kikir dan tertindas.
- 3 Ia mengajarkan bahawa seorang Mukmin perlu tabah dan berani menempuh cabaran dan bukan hanya memeluk tubuh atau menyerah pada takdir.
- 4 Ubati perasaan risau dan sedih dengan berzikir, memohon kepada Allah dan berusaha mencari penyelesaian.

AMALAN 12

DOA KETIKA DALAM KESEDIHAN



اَللّٰهُمَّ رَحِمَتَكَ اَرْجُوْ، فَلَا تَكِلْنِيْ اِلَى نَفْسِيْ طَرْفَةَ عَيْنٍ،
وَأَصْلِحْ لِيْ شَأْنِيْ كُلَّهُ، لَا اِلَهَ اِلَّا أَنْتَ

Diriwayatkan oleh Abu Bakrah r.a, beliau berkata:

Rasulullah s.a.w bersabda: yang dibaca oleh orang yang dalam kesedihan ialah: **"Ya Allah, rahmat-Mu aku harapkan, janganlah Engkau serahkan (segala urusanku) kepada diriku walau sekelip mata, perbaikilah segala urusanku, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau".**

(Sunan Abu Dawud)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca bagi orang yang mengalami kesedihan atau kemurungan akibat dilanda ujian yang berat.
- 2 Intipati doa ini adalah memohon rahmat dan ihsan Allah ketika ditimpa ujian. Ini kerana ujian itu datang dari Allah dan hanya Dia yang mampu memudahkannya. Disamping itu, doa ini mengharap bimbingan Allah pada setiap masa agar berjaya mengatasi segala ujian.
- 3 Ia mengajarkan bahawa manusia tidak berupaya menempuh segala ujian dengan sendirinya melainkan dengan pertolongan Allah.
- 4 Ujian merupakan salah satu tanda kasih sayang Allah terhadap hamba-Nya. Melalui ujian, manusia yang sering alpa ketika dalam keadaan senang akan terdorong untuk kembali kepada Allah dan memohon pertolongan-Nya. Oleh itu, ingatlah bahawa Allah sentiasa bersama hamba-Nya, tidak kira betapa berat sekalipun ujian yang dihadapinya.

Ucapkanlah doa ini dan rasakan rahmat Allah mengangkat bebanmu.

AMALAN 13

DOA KETIKA MELIHAT ORANG MENGALAMI UJIAN



الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَافَانِي مِمَّا ابْتَلَاكَ بِهِ،
وَفَضَّلَنِي عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقَ تَفْضِيلًا

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa, Rasulullah SAW bersabda:

Barangsiapa yang melihat orang yang ditimpa musibah lalu berkata: **"Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkanmu dari apa yang telah ditimpakan-Nya kepadamu, dan telah mengurniakan kepadaku kelebihan daripada kebanyakan makhluk yang Dia ciptakan"**, dia tidak akan ditimpa penderitaan itu.

(Sunan At-Tirmidhi)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca ketika melihat orang dilanda musibah, sama ada pada agama, diri, keluarga atau harta. Ia dibaca pada diri sendiri secara perlahan dan bukan untuk didengarkan orang.
- 2 Intipati doa ini adalah meminta agar Allah menjauhkan dari ujian berat seperti mana ditimpa orang lain.
- 3 Doa ini mengajar kita untuk sentiasa bersyukur atas segala pemberian dan ketentuan Allah. Ini kerana sentiasa ada insan lain yang kurang bernasib baik dan menghadapi ujian yang lebih mencabar.
- 4 Bersyukur adalah rahsia menambah nikmat dan menolak musibah. Allah s.w.t. berfirman: "Dan (ingatlah), tatkala Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih" (Surah Ibrahim: 7).

Bacalah doa ini ketika terlepas dari ujian yang ditimpa orang lain dan lihat bagaimana ia menambah kesyukuran dan memupuk sifat empati.

AMALAN 14

ZIKIR KETIKA BERLAKU PERKARA YANG MENYENANGKAN



الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ

Diriwayatkan dari 'Aishah r.a, ia berkata:

"Rasulullah s.a.w apabila berlaku sesuatu yang disukainya, baginda berkata: **"Segala puji bagi Allah yang dengan nikmat-Nya segala amal soleh sempurna"**.

(Sunan Ibn Majah)

SYARAH HADIS



- 1 Zikir ini dibaca ketika berlaku sesuatu perkara yang menyenangkan hati.
- 2 Intipati zikir ini adalah mensyukuri nikmat Allah pada saat pertama ia berlaku dengan mengucapkan puji-pujian terhadap-Nya.
- 3 Ia mengajarkan untuk bersikap rendah hati dan mengelakkan sifat sombong. Sebagai contoh, apabila mencapai sesuatu kejayaan, kita seharusnya mengembalikan penghargaan kepada Allah, kerana Dialah yang memungkinkan kejayaan tersebut berlaku.

**Ucapkanlah puji-pujian kepada Allah,
saksikan nikmat bertambah dengan penuh keberkatan.**

AMALAN 15

ZIKIR KETIKA BERLAKU SESUATU YANG TIDAK MENYENANGKAN



الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ

Diriwayatkan dari 'Aishah r.a, ia berkata:

"Rasulullah s.a.w. apabila berlaku sesuatu yang tidak disukainya, maka baginda akan berkata: **"Segala puji bagi Allah, atas segala keadaan"**.

(Sunan Ibn Majah)

SYARAH HADIS



- 1 Zikir ini dibaca ketika mengalami sesuatu perkara yang kurang menyenangkan.
- 2 Intipati zikir ini adalah bersyukur pada ketentuan Allah tidak kira apa sekali pun. Ini kerana Allah lebih mengetahui apa yang terbaik yang ditakdirkan untuk hamba-Nya. Allah berfirman: "Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui" (Surah Al-Baqarah, 2:216).
- 3 Ia mengajar supaya sentiasa redha, bersangka baik terhadap Allah dan berfikiran positif.

Bersyukurlah dalam ujian, kerana Allah merencanakan yang terbaik untukmu.

AMALAN 16

DOA KETIKA MEMBARA DENGAN KEMARAHAN



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Sulaiman bin Surad r.a. meriwayatkan:

Bahawa dua orang saling mencaci di hadapan Rasulullah s.a.w. ketika kami sedang duduk bersama baginda. Maka salah seorang daripada mereka mencaci temannya sambil marah sehingga merah wajahnya. Rasulullah s.a.w. pun berkata: Sesungguhnya aku mengetahui satu perkataan; jika dia menyebutnya, akan hilang padanya (kemarahan). Jika dia menyebut: **“Aku berlindung kepada Allah dari godaan Syaitan yang terkutuk”**.

(Sahih Al-Bukhari)

SYARAH HADIS




- 1 Doa perlindungan dari syaitan atau “*ta’awudz*” ini dibaca untuk menghilangkan rasa marah yang membara.
- 2 Kemarahan adalah pintu masuk hasutan syaitan. Apabila seseorang dikuasai kemarahan, ia boleh mengganggu kawalan diri kerana syaitan mempengaruhi emosinya.
- 3 Justeru, doa *ta’awudz* dapat menghilangkan hasutan syaitan dan kembalikan pemikiran rasional seseorang.
- 4 Sungguhpun itu, tidak semua kemarahan itu negatif. Ada marah yang terpuji di sisi agama contohnya marah ketika melihat kemungkaran. Dari ‘Aishah r.a, beliau berkata: “Aku tidak pernah melihat Rasulullah s.a.w. membalas sesuatu kezaliman yang dilakukan terhadapnya selagi mana tidak dicabuli pantang-larang Allah. Apabila pantang-larang Allah dicabuli, bagindalah yang paling marah diantara semua”.

**Ucaplah *ta’awudz* perlindungan saat marah,
rasakan kedamaian menggantikan amarah.**

AMALAN 17

DOA MINTA KEBAIKAN PADA AGAMA, DUNIA DAN AKHIRAT



اللَّهُمَّ أَصْلَحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَأَصْلَحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي، وَأَصْلَحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلْ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ

Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda :

"Ya Allah perbaikilah agamaku sebagai benteng (ishmah) urusanku; dan perbaikilah duniaku yang menjadi tempat kehidupanku; dan perbaikilah akhiratku yang menjadi tempat kembaliku. Dan jadikanlah kehidupan ini mempunyai nilai tambah bagiku dalam segala kebaikan dan jadikanlah kematianku sebagai kebebasanku dari segala kejahatan". (Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca untuk meminta kebaikan pada urusan dunia dan akhirat.
- 2 Pegangan agama yang betul didahulukan dalam doa ini kerana ia merupakan prinsip dan benteng utama yang mengawal segala urusan manusia kepada kebaikan dan menghindari keburukan.
- 3 Urusan dunia merangkumi segala aspek keperluan hidup seperti keluarga, harta dan kesihatan. Kebaikan pada urusan dunia diukur pada kualitinya di sisi agama bukan kuantitinya. Oleh itu, seseorang yang mempunyai harta yang banyak dan kesihatan yang berterusan tidak dikira mendapat kebaikan dunia jika perkara itu tidak membawanya dekat kepada Allah apatah lagi jika harta itu dari sumber yang haram dan kesihatan itu digunakan untuk bermaksiat.
- 4 Meminta panjang umur haruslah disertakan dengan penambahan amal soleh.

**Berdoalah untuk agamamu, dunia dan akhirat,
saksikan hidupmu penuh kebahagiaan.**

AMALAN 18

DOA KETEGUHAN HATI



يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ

Daripada Anas Bin Malik berkata:

“Rasulullah SAW sering mengucapkan (dalam doanya): **“Wahai Dzat yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu”**. Lalu aku bertanya kepadanya: Wahai Nabi Allah, kami beriman kepadamu dan apa yang dibawamu. Maka adakah engkau takut untuk kami? Baginda berkata: Ya, sesungguhnya hati itu antara dua jari Allah dan Dia membolak-balikkan sebagaimana yang dikehendaki-Nya”.

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca untuk meminta keteguhan hati di atas agama Allah dan perlindungan dari condong kepada kesesatan.
- 2 Hati manusia sangat mudah dan cepat bertukar arah. Ini didorong dengan banyak faktor luaran yang dialami seseorang. Daripada Abu Musa Al-'Ash'ari, Nabi SAW bersabda: “Hati itu umpama bulu burung yang dibolak-balik angin di padang” (Ibn Majah).
- 3 Sungguhpun hati ini dibolak-balikkan Allah, akan tetapi manusia yang memilih untuk mendapat hidayah atau kesesatan, lalu Allah membalikkan hatinya pada apa yang dipilih. Allah berfirman: “Maka tatkala mereka berpaling (dari kebenaran), Allah memalingkan hati mereka; dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang fasik” (As-Saff, 61:5).
- 4 Sentiasa berdoa untuk ditetapkan atas keimanan dan berusaha untuk mencari hidayah. Allah berfirman: “Dan orang-orang yang berusaha dengan sungguh-sungguh untuk (mencari keredhaan), Kami benar-benar akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Sesungguhnya Allah benar-benar bersama orang-orang yang berbuat kebaikan” (Al-Ankabut, 29:69).

**Mohonlah keteguhan hati dalam iman,
rasakan hatimu teguh di jalan Allah.**

AMALAN 19

DOA PERLINDUNGAN DARI KEBURUKAN LALU DAN AKAN DATANG



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَمِلْتُ وَمِنْ شَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ

Diriwayatkan oleh 'Aishah RA:

Nabi SAW berdoa: **"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari keburukan yang telah aku lakukan dan keburukan yang belum aku lakukan".**

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- ❖ Doa ini memohon perlindungan dari keburukan yang telah lalu dan yang akan datang.
- ❖ Imam An-Nawawi berkata bahawa maksud keburukan lalu adalah dosa-dosa yang pernah dilakukan dahulu. Ia juga boleh bermaksud kejahatan-kejahatan yang pernah dilakukan yang mengakibatkan hukuman di dunia dan akhirat.
- ❖ Maksud keburukan di masa hadapan pula adalah dosa-dosa yang bakal dilakukan atau kejahatan-kejahatan baru yang belum pernah dilakukan.
- ❖ Seorang Muslim mesti berwaspada dengan kejahatan-kejahatan lalu supaya tidak diulangi dan kejahatan-kejahatan baru supaya tidak dimulakan.

Mohonlah perlindungan dari keburukan, lihat Allah pelihara hidupmu.

AMALAN 20

DOA MENCINTAI ALLAH DAN KEBAIKAN



اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ مَنْ یُّحِبُّكَ،
وَحُبَّ عَمَلٍ یُّقَرِّبُنِیْ اِلَیْ حُبِّكَ

Mu'adh Bin Jabal RA menceritakan:

Nabi SAW bersabda: "Tuhanku menyuruhku untuk meminta-Nya lalu aku berkata: **'Ya Allah, aku memohon agar dapat mencintai-Mu, mencintai orang-orang yang mencintai-Mu dan mencintai amal yang dapat mendekatkan diriku kepada cinta-Mu'**". Kemudian Nabi SAW berkata: "Ia benar, maka pelajaryliah ia".

(Sunan At-Tirmidhi)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca supaya dapat menimbulkan rasa cinta pada Allah, orang-orang soleh dan amal-amal soleh.
- 2 Cinta adalah asas pada amal dan pendorongnya. Ibnul Qayyim berkata bahawa cinta itu ibarat ruh kepada iman dan amal. Apabila seseorang cinta pada amal, ia akan menimbulkan keikhlasan ketika melakukannya.
- 3 Wajib mengutamakan cinta pada Allah atas segalanya. Nabi SAW menyatakan bahawa orang yang mencintai Allah dan Rasul lebih dari selainnya sudah merasakan kemanisan iman (Sahih Bukhari & Sahih Muslim).
- 4 Seorang Muslim harus menyemak kembali ke manakah cintanya dan adakah ia telah disalurkan kepada yang sepatutnya.

**Doakanlah agar Allah menumbuhkan cinta dalam hatimu,
untuk-Nya dan beramal soleh.**

AMALAN 21

ZIKIR KETIKA DITIMPA MUSIBAH



قَدَّرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ

Dari Abu Hurairah RA berkata:

Rasulullah SAW pernah bersabda: "Seorang Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai Allah daripada seorang Mukmin yang lemah, dan pada masing-masing terdapat kebaikan, rajinlah mengerjakan apa yang bermanfaat bagimu, mohonlah pertolongan kepada Allah, dan jangan sekali-kali kamu lemah (tidak berdaya). Apabila kamu tertimpa suatu musibah, janganlah mengatakan, 'Seandainya aku berbuat demikian, niscaya akibatnya akan demikian dan demikian', tetapi katakanlah: **'Allah telah menentukan, dan apa yang dikehendaki-Nya nescaya akan terjadi'**, kerana sesungguhnya ucapan 'seandainya' dapat membuka pintu bagi syaitan".

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Zikir ini dibaca ketika ditimpa musibah selepas berusaha dan berdoa tetapi tidak terjadi seperti yang diharapkan.
- 2 Imam An-Nawawi menjelaskan bahawa maksud "mukmin kuat" dalam hadis ini merujuk kepada kekuatan azam dan kebolehan dalam mengejar urusan akhirat. Beliau menegaskan bahawa kedua-dua mukmin, sama ada yang kuat atau yang lemah, mempunyai kebaikan iaitu iman dalam diri mereka. Namun, mukmin yang lebih berazam dan berkebolehan akan lebih berkesan dalam melaksanakan ketaatan, justeru lebih dicintai oleh Allah.
- 3 Zikir ini mengajarkan supaya sentiasa berfikir positif dan yakin terhadap keputusan Allah. Sepertimana yang dikata oleh para ulama bahawa Allah maha mengetahui apa yang sudah berlaku, apa yang akan berlaku dan apa yang tidak akan berlaku, bagaimana jika ia berlaku.
- 4 Berusaha, berdoa, bertawakal kemudian redha adalah asas kejayaan seorang Muslim dalam apa jua yang dikerjakan.

**Hadapilah musibah dengan redha dan bersangka baik,
saksikan Allah memudahkan jalan keluar dengan hikmah.**

AMALAN 22

UCAPAN KESYUKURAN ATAS KEBAIKAN ORANG



جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

Dari Usamah bin Zaid RA, dia berkata:

Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa yang diperlakukan dengan baik kemudian dia mengucapkan ‘**Semoga Allah membalasmu dengan kebaikan**’ maka sesungguhnya dia telah memberikan pujian yang terbaik”.

(Sunan At-Tirmidhi)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca sebagai tanda kesyukuran kepada orang yang berbuat baik dengan kita.
- 2 Islam mengajar kita agar menghargai kebaikan orang lain, sekurang-kurangnya dengan mengucapkan terima kasih kepada mereka. Daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda: “Tidak mensyukuri Allah orang yang tidak mensyukuri manusia” (Sunan Abu Dawud).
- 3 Selain itu, digalakkan untuk membalas kebaikan orang. Daripada Abdullah Ibn Umar, Nabi SAW bersabda: “Barangsiapa yang melakukan kebaikan padamu, maka balaslah dengan setimpal, jika tiada untuk dibalas maka doakanlah dia” (Abu Dawud dan An-Nasai).
- 4 Hidupkan amalan saling mendoakan.

**Hargailah kebaikan orang, ucapkan '*Jazak-Allahu khairan*',
lihat hubungan semakin erat.**

AMALAN 23

DOA MEMINTA PENGAMPUNAN DAN RAHMAT

Ya Allah...



اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ،
فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Dari Abu Bakar As-Siddiq RA, dia berkata kepada Rasulullah SAW:

Wahai Rasulullah, ajarkanlah aku suatu doa yang boleh aku panjatkan dalam solatku, (dan pada riwayat lain) di rumahku. Maka baginda pun bersabda: Bacalah doa: **"Ya Allah, sungguh aku telah menzalimi diriku sendiri dengan kezaliman yang banyak, sedangkan tidak ada yang dapat mengampuni dosa-dosa kecuali Engkau. Maka itu ampunilah aku dengan suatu pengampunan dari sisi-Mu, dan rahmatilah aku! Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"**.

(Sahih Al-Bukhari)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca untuk meminta pengampunan daripada Allah. Ia dianjurkan untuk dibaca di dalam solat ketika sujud atau selepas membaca tashahud akhir sejurus sebelum memberi salam. Ia juga boleh dibaca bila-bila masa di luar solat.
- 2 Mulla Ali Al-Qari menyebutkan dua keutamaan dalam doa ini iaitu meminta pengampunan dan rahmat. Ini kerana meminta pengampunan menyamai meminta keselamatan dari neraka manakala meminta rahmat pula menyamai meminta syurga. "Barangsiapa yang diberikan kedua ini maka dia telah berjaya" (Surah Ali Imran 3:185).
- 3 Doa ini mengajar kita agar mengakui kesilapan dan kekurangan diri sendiri ketika memohon pengampunan. Pengakuan sedemikian menunjukkan sikap rendah diri serta keikhlasan, lantas menjadikan doa tersebut lebih mustajab.
- 4 Manusia adalah makhluk yang tidak terlepas dari membuat silap. Justeru, mengiktiraf kelemahan dan kekurangan adalah langkah pertama memperbaiki diri.

**Mohonlah pengampunan dan rahmat Allah,
rasakan kedamaian dan kemurahan-Nya.**

AMALAN 24

DOA PERLINDUNGAN DARI BERBUAT JAHAT



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ

Dari Quthbah bin Malik berkata:

Nabi SAW mengucapkan doa: **"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari berbagai kemungkaran akhlak, amal, dan hawa nafsu".**

(Sunan At-Tirmidhi)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca untuk menghindari kejahatan dan keburukan diri.
- 2 Abdurrahman Al-Mubarakfuri menukilkan bahawa kemungkaran bermaksud semua perkara yang diingkari dan dianggap buruk di sisi agama. Kemungkaran akhlak merujuk kepada keburukan yang tersembunyi seperti hasad, takabur, dan sebagainya. Manakala kemungkaran amal pula bermaksud keburukan yang zahir seperti mencuri, memakan harta haram dan sebagainya.
- 3 Doa ini mengajar bahawa kejahatan ada berbagai bentuk sama ada zahir atau tersembunyi. Ia berpunca dari hawa nafsu yang cenderung kepada keburukan.
- 4 Seorang Muslim bukan sahaja perlu berwaspada terhadap kejahatan yang mungkin dilakukan oleh orang lain kepadanya, tetapi yang lebih penting ialah memastikan dirinya tidak melakukan kejahatan terhadap orang lain, apatah lagi terhadap dirinya sendiri.

Jauhilah keburukan akhlak, rasakan hidup damai dan dilindungi Allah.

AMALAN 25

DOA MEMINTA DIPERMUDAHKAN URUSAN



اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا، وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

Daripada Anas Bin Malik:

Rasulullah SAW bersabda: **“Ya Allah! Tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikannya mudah. Dan Engkaulah yang menjadikan perkara yang sukar itu - jika Engkau kehendaki - mudah”.**

(Sahih Ibn Hibban)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca ketika melaksanakan sesuatu urusan supaya dipermudahkan.
- 2 Tiada urusan yang sukar jika Allah permudahkan. Kepercayaan ini membantu meningkatkan keyakinan diri dalam mencapai apa jua impian dengan bantuan Allah.
- 3 Doa ini mengajar supaya memuji Allah ketika berdoa agar ia lebih mustajab. Ini dengan menyebut sifat-sifat-Nya yang sesuai dengan permohonan kita, contoh: “Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi, berikanlah aku rezeki yang halal”.
- 4 Seorang hamba tidak sepatutnya mengharap kepada Allah ketika susah sahaja. Nabi SAW bersabda: “Kenalilah Allah pada waktu lapang, nescaya Dia akan mengenalmu pada waktu susah” (Sunan At-Tirmidhi).

**Berdoalah untuk permudahkan urusan,
lihat jalanmu menuju kejayaan dan kebahagiaan.**

AMALAN 26

DOA SUPAYA MENJADI HAMBA YANG BERSYUKUR



رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَلَدِيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ
صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي ۖ إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepada-Mu)".

(Surah Al-Ahqaf, 46:15)


SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca supaya memupukkan sifat syukur kepada Allah atas segala nikmat yang telah dikurniakan.
- 2 Ibnul Qayyim menjelaskan bahawa hakikat mensyukuri nikmat ialah dengan lidah yang memuji dan mengakui nikmat tersebut, hati yang merasai dan mencintainya, serta anggota tubuh yang taat dan patuh kepada perintah Allah, tanpa menggunakan nikmat tersebut untuk melakukan perkara yang dimurkai-Nya.
- 3 Nikmat terbesar adalah iman dan hidayah. Allah berfirman: "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu" (Surah Al-Ma'idah, 5:3). Justeru, wajar kita syukuri nikmat terbesar ini dengan memelihara iman kita.
- 4 Doa ini merangkumi kebaikan untuk diri sendiri, ibu bapa dan anak-anak. Justeru, semasa berdoa, kita digalakkan untuk turut memasukkan permohonan bagi ahli keluarga.

AMALAN 27

DOA HINDAR DARI UJIAN YANG BERAT



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ، وَدَرَكِ الشَّقَاءِ،
وَسُوءِ الْقَضَاءِ، وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

Rasulullah SAW pernah meminta perlindungan kepada Allah dari “ujian yang berat, kesengsaraan, keburukan yang ditakdirkan, dan kegembiraan musuh atas bencana yang menimpa diri”.

(Sahih Bukhari and Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca untuk menghindari dari segala bentuk keburukan pada dunia dan akhirat seseorang.
- 2 Ibn Hajar Al-'Asqalani menghuraikan bahawa keburukan yang disebut dalam doa ini boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu dari segi permulaannya seperti keburukan yang telah ditakdirkan, dari segi kesannya terhadap kehidupan seperti ujian yang berat, dan dari segi pengakhirannya seperti kesengsaraan di dunia atau di akhirat.
- 3 Ia adalah sunnah untuk berdoa memohon agar dijauhkan daripada keburukan yang telah ditakdirkan. Ini kerana ada takdir yang tertulis pada catatan para malaikat yang Allah mengubahnya disebabkan doa hamba-Nya (*Takdir Mu'allaq*) dan ada pula takdir yang tertulis di *lauh mahfuz* yang tidak boleh berubah (*Takdir Mubram*). Walau bagaimanapun ini tidak menafikan ilmu Allah, kerana Allah sejak azali telah mengetahui doa yang akan dipanjatkan hamba-Nya lalu dengan itu mengubah takdir sepertimana yang dikehendaki-Nya.

Doakanlah dijauhkan dari ujian berat, rasakan perlindungan dari kesulitan.

AMALAN 28

DOA BERLINDUNG DARI HILANGNYA NIKMAT DAN DARI KEMURKAAN ALLAH



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ،
وَفُجَاءَةِ نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ

Rasulullah SAW pernah berdoa seperti berikut: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari hilangnya kenikmatan yang telah Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang telah Engkau anugerahkan, dari siksa-Mu yang datang secara tiba-tiba, dan dari segala kemurkaan-Mu”.

(Sahih Muslim)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca meminta supaya dikekalkan segala kenikmatan dan tidak berubah kepada kecelakaan.
- 2 Maksud nikmat di sini merangkumi segala kenikmatan hidup dunia dan akhirat, terutama sekali kenikmatan Islam dan iman. Ini kerana kenikmatan yang hakiki adalah yang mendekatkan diri kepada Allah, manakala nikmat yang digunakan untuk bermaksiat hanya akan dipersoalkan di akhirat.
- 3 Doa ini mengajarkan bahawa nikmat Allah perlu dipelihara dengan disyukuri kerana ia boleh ditarik bila-bila masa sahaja.
- 4 Perlu ada sifat pengharapan pada rahmat Allah dalam masa yang sama tidak rasa leka dengan kemurkaan-Nya.

Ucapkanlah doa ini agar nikmat berterusan, lihat Allah jaga segalanya.

DOA ISTIKHARAH

MEMOHON PETUNJUK DALAM MEMBUAT
KEPUTUSAN

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْتَخِيْرُكَ بِعِلْمِكَ، وَاسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ، وَاَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ
الْعَظِيْمِ، فَاِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا اَقْدِرُ، وَتَعْلَمُ وَلَا اَعْلَمُ، وَاَنْتَ عَلَامُ الْغُيُوْبِ، اَللّٰهُمَّ اِنْ
كُنْتَ تَعْلَمُ اَنَّ هَذَا الْاَمْرَ خَيْرٌ لِّيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ فَاقْدُرْهُ لِيْ،
وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ اَنَّ هَذَا الْاَمْرَ شَرٌّ لِّيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ فَاصْرِفْهُ
عَنِّيْ وَاصْرِفْنِيْ عَنْهُ، وَاَقْدِرْ لِيْ الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ، ثُمَّ رَضِيْنِيْ بِهِ

Rasulullah SAW mengajar kami istikharah dalam urusan-urusan seperti mana beliau mengajarkan kami surah daripada Al-Quran. Baginda berkata: "Apabila salah seorang daripada kamu berhasrat melakukan sesuatu urusan, maka hendaklah dia solat dua rakaat selain daripada solat fardhu, kemudian dia berdoa: 'Ya Allah, sesungguhnya aku memohon pilihan (istikharah) daripada-Mu dengan ilmu-Mu, dan aku memohon kemampuan daripada-Mu dengan kekuasaan-Mu, serta aku memohon kepada-Mu daripada kurniaan-Mu yang agung. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa dan aku tidak berkuasa, dan Engkau Maha Mengetahui dan aku tidak mengetahui, dan Engkau Maha Mengetahui segala yang ghaib. Ya Allah, jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini baik untukku dalam agama, kehidupanku dan kesudahan urusanku - (atau baginda berkata, dalam urusan duniawi dan ukhrawiku) - maka takdirkanlah ia untukku, permudahkanlah ia untukku, dan berkatilah padanya. Namun, jika Engkau mengetahui bahawa urusan ini buruk untukku dalam agama, kehidupanku dan kesudahan urusanku - (atau baginda berkata, dalam urusan duniawi dan ukhrawiku) - maka jauhkanlah ia dariku dan jauhkanlah aku darinya, serta takdirkanlah kebaikan untukku di mana jua ia berada, kemudian redhailah aku dengan keputusan tersebut'. Kemudian baginda bersabda: 'Orang itu (boleh) menyatakan hajatnya'". (Sahih Bukhari)

SYARAH HADIS

- 1 Doa *istikharah* ini boleh diamalkan ketika mengalami dilema dalam membuat sesuatu pilihan atau keputusan yang tidak jelas kebaikannya. Ia bertujuan supaya Allah membimbing kepada pilihan yang terbaik.
- 2 Disunnahkan untuk solat dua rakaat *istikharah* dahulu kemudian setelah itu berdoa kepada Allah dengan doa tertera di atas.
- 3 Doa ini mengajarkan bahwa dalam membuat suatu pilihan atau keputusan, tidak seharusnya hanya menumpukan kepada kebaikan dunia sahaja tanpa memikirkan kesannya pada agama dan akhirat. Di samping itu, tidak membiarkan emosi dan hawa nafsu mengatasi rasional dalam membuat keputusan.

AMALAN 30

DOA PELENGKAP SEGALA DOA



اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ مِنْ خَیْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ نَبِیُّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّی اللّٰهُ عَلَیْهِ
وَسَلَّمَ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَ مِنْهُ نَبِیُّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّی اللّٰهُ عَلَیْهِ
وَسَلَّمَ، وَاَنْتَ الْمُسْتَعَانُ، وَعَلَيْكَ الْبَلَاغُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ

Dari Abu Umamah RA dia berkata:

“Rasulullah SAW berdoa dengan banyak doa, namun kami tidak hafal sesuatu pun darinya. Kami katakan, ‘Wahai Rasulullah, anda berdoa dengan doa yang sangat banyak, sehingga kami tidak hafal sedikit pun darinya’. Kemudian beliau bersabda: ‘Mahukah aku tunjukkan kepada kalian sesuatu yang menggabungkan hal itu semua?, Ucapkanlah:

‘Ya Allah, aku memohon di antara kebaikan apa yang diminta Nabi-Mu Muhammad SAW, dan aku berlindung dari keburukan yang Nabi-Mu Muhammad SAW meminta perlindungan darinya, Engkau tempat meminta pertolongan, dan Engkau yang menyampaikan hajat hamba-Mu, dan tidak ada daya serta kekuatan kecuali kerana pertolongan Allah’. (Sunan At-Tirmidhi)

SYARAH HADIS



- 1 Doa ini dibaca sebagai rumusan bagi segala permohonan doa yang pernah dipanjatkan oleh Nabi SAW.
- 2 Doa ini baik dibaca terlebih lagi bagi yang tidak banyak menghafal doa-doa Nabi SAW. Ini supaya tidak terlepas dari kebaikan-kebaikan yang terdapat pada doa-doa Nabi SAW.
- 3 Nabi SAW adalah pembawa agama dan manusia yang paling alim tentang apa yang bermanfaat untuk umatnya. Justeru, utamakan mengamalkan doa Nabi SAW.

**Lengkapkanlah doa dengan doa Nabi SAW,
semoga segala kebaikan tercurah dalam hidupmu.**